

Strategi Inovasi Industri Batik dalam Kelestarian Warisan Budaya dan Pemeriksaan Ekonomi Ummah

Innovation Strategies in the Batik Industry for the Sustainability of Cultural Heritage and the Empowerment of the Ummah's Economy

Ariffin, W. J. W. (Pengarang Penghubung)

Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300

Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6013-9159367 E-mel: wnjazmina@unisza.edu.my

Ghazalli, F. S.

Fakulti Pengajian Umum dan Pendidikan Lanjutan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus
Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6012-5478784 E-mel: farahsyazrah@unisza.edu.my

Zakaria, Z.

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota
Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: +06013-260 6228 E-mel: zulaytizakaria@ums.edu.my

Abdullah, S. R.

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM)
Cawangan Kedah, Kampus Sungai Petani 08400 Merbok, Kedah Malaysia

Tel: +0619-9132551 E-mel: sakinatulraadhah@uitm.edu.my

Shahfiq, S. M.

Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300
Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

Tel: +6011-18797703 E-mel: syedshahfiq0098@gmail.com

Abstrak

Kraftangan Batik bukan sahaja melambangkan identiti budaya tetapi berpotensi memperkasa ekonomi ummah. Inovasi mampu memacu warisan kraf batik menjadi lebih berpotensi dalam memajukan sektor ekonomi di samping melestarikan warisan tempatan. Kajian ini bertujuan mengenal pasti inovasi dalam penghasilan batik serta mengkaji faktor

penghalang dan potensi yang mendorong inovasi pengusaha batik, selain melihat bagaimana usaha tersebut diselaraskan dengan prinsip fiqh kepenggunaan demi kemajuan ekonomi ummah. Melalui kaedah kualitatif, analisis terhadap 12 penggiat kraf batik menunjukkan tiga inovasi utama iaitu dalam corak, kaedah pembuatan, dan pemasaran. Inovasi ini membantu mengatasi cabaran seperti kebergantungan kepada orang tengah,

corak yang tidak diminati, kos pembuatan tinggi, dan pemasaran yang terhad. Manakala potensi inovasi termasuk perubahan corak yang lebih kontemporari, penjimatan kos, dan pemasaran digital. Kajian ini dapat dijadikan saranan bagi dasar yang menyokong inovasi dalam kraf tradisional bagi memperkukuhkan ekonomi ummah selaras dengan prinsip Islam di samping memelihara warisan budaya tempatan.

Kata Kunci: Warisan; Inovasi; Kraf tangan tradisional; Batik; Fiqh kepenggunaan

Abstract

The batik handicrafts not only represent cultural identity but also have the potential to empower the economy of the community. Through innovation, the heritage of batik craft can be further developed to enhance the economic sector while preserving local heritage. This study aims to identify innovations in batik production as well as examine the factors that hinder and encourage the innovation of batik entrepreneurs, in addition to seeing how these efforts are aligned with consumerism principles for the economic progress of the Ummah. Through qualitative methods, the analysis of 12 batik craftsmen revealed three main innovations in patterns, manufacturing methods, and marketing. These innovations help overcome challenges such as reliance on intermediaries, unpopular patterns, high manufacturing costs, and limited marketing. Conversely, potential innovations include more contemporary pattern changes, cost savings, and digital marketing. This study serves as a recommendation for policies that support innovation in traditional crafts to strengthen the economy of the Ummah in accordance with

Islamic principles while preserving local cultural heritage.

Keywords : *Heritage; Innovation; Traditional Handicraft; Batik; Consumerism principles.*

Pengenalan

Warisan budaya merupakan aset yang tidak ternilai bagi sesebuah masyarakat, merangkumi pelbagai aspek kehidupan seperti bahasa, adat resam, seni bina, seni visual, muzik, makanan, serta cara hidup yang diwarisi daripada generasi terdahulu. Usaha melestarikan warisan budaya ini penting bagi memastikan identiti, nilai, dan tradisi sesebuah masyarakat dapat dipertahankan dan diwariskan kepada generasi akan datang. Di peringkat antarabangsa, pemeliharaan warisan budaya diberi perhatian melalui Matlamat Pembangunan Lestari (SDG), khususnya SDG ke-11, yang menekankan kelestarian bandar dan komuniti. Dalam SDG 11.4, pemeliharaan warisan budaya dikenal pasti sebagai salah satu sasaran utama.

Warisan budaya, yang ditakrifkan sebagai tinggalan artifak fizikal dan sifat-sifat tidak ketara sesebuah masyarakat yang diwarisi daripada generasi lalu dan dipelihara untuk manfaat generasi akan datang, termasuklah warisan kolektif seperti bahasa, seni, tradisi, ritual, seni bina, dan amalan budaya. Menurut UNESCO, warisan budaya ini dilihat sebagai elemen penting dalam membentuk identiti sesebuah masyarakat, sementara kraf tradisional berfungsi sebagai manifestasi kearifan intelektual dan cerminan budaya tempatan (Jing, 2022).

Dalam era moden ini, inovasi dalam kraf tangan tradisional tidak hanya terhad kepada aspek pemeliharaan, tetapi juga berfungsi

sebagai alat penting untuk pembangunan ekonomi tempatan, selaras dengan prinsip pemeraksanaan ekonomi ummah. Melalui penciptaan pekerjaan dan peningkatan daya saing, inovasi dalam industri kraf dapat memenuhi tuntutan fiqh kepenggunaan, yang menekankan produk yang dihasilkan mestilah halal, berkualiti, dan mematuhi nilai-nilai Islam. Dalam konteks ini, pengguna dianggap rasional jika mereka membelanjakan pendapatan mereka dengan bijak untuk memenuhi keperluan material yang bertepatan dengan keperluan rohani, tanpa terperangkap dengan keinginan yang tidak terhad (Hanapi & Muhammad, 2024). Dengan mengambil kira kehendak pengguna masa kini, usahawan kraf memainkan peranan penting dalam memastikan kemandirian kraf tangan tradisional dalam dunia komersial, dengan mengintegrasikan inovasi yang beretika dan berasaskan syariah. Kejayaan dalam usaha pengkomersialan ini semestinya memberikan impak ekonomi yang positif kepada masyarakat setempat (David et al., 2023; Nocca, 2017).

Pemeliharaan kraf tradisional, seperti yang dinyatakan oleh Ospina dan Lopez (2020), bertujuan untuk memastikan kesinambungan warisan sambil mengukuhkan identiti masyarakat setempat dan menyediakan sumber pendapatan. Dalam usaha mengatasi risiko kepupusan kraf tangan tradisional, kerjasama pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, institusi pendidikan, sumber kewangan, dan sokongan masyarakat adalah amat diperlukan. Inovasi yang dipandu oleh prinsip fiqh kepenggunaan dilihat sebagai pemacu utama dalam pemeraksanaan usaha pemeliharaan ini, sekali gus memastikan objektif pemeliharaan warisan tercapai, sambil memberi sumbangan signifikan kepada pemeraksanaan ekonomi ummah. Dalam konteks

fiqh kepenggunaan Islam, pelestarian warisan budaya, khususnya kraf tangan tradisional, bukan sahaja bertujuan untuk menjaga identiti dan kesinambungan budaya, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pemeraksanaan ekonomi ummah. Dalam Islam, fiqh kepenggunaan telah menggariskan prinsip etika dalam penghasilan dan penggunaan produk, dengan menekankan aspek keadilan, kesederhanaan, dan kelestarian. Dalam konteks ini, penggunaan semua sumber diharuskan selagi bermanfaat dan tidak menimbulkan kemudaratan kepada lima perkara asasi dalam hidup manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (Mahaiyadin & Osman, 2015). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti inovasi dalam penghasilan batik serta mengkaji faktor penghalang dan potensi yang mendorong inovasi pengusaha batik, selain meneliti bagaimana usaha tersebut dapat diselaraskan dengan prinsip fiqh kepenggunaan demi kemajuan ekonomi ummah.

Warisan Kraf Tradisional

Kraf tradisional merupakan manifestasi nyata daripada warisan budaya tidak ketara yang wujud dalam sesebuah masyarakat. Kemahiran, pengetahuan dan kehalusan seni dalam membuat sesuatu kraf tradisional adalah sebahagian daripada kearifan tempatan yang perlu diwarisi kepada generasi seterusnya. Kepentingan ini ditonjolkan oleh UNESCO apabila mereka menangani isu ini dengan menekankan kepentingan kemahiran pertukangan dan bukannya produk kraf itu sendiri (Yasmine, 2020; Maxine, 2014) UNESCO juga menyarankan agar kemahiran ini dipelihara dengan menggalakkan tukang kraf untuk terus menghasilkan kraf tangan tradisional serta menyalurkan kemahiran dan

pengetahuan mereka kepada orang lain, terutamanya dalam komuniti (UNESCO).

Di Malaysia, industri kraf muncul sebagai wadah unik di mana pelbagai budaya bersatu untuk mencipta produk kreatif. Dalam konteks ini, pelbagai bahan seperti kayu, rotan, tekstil, dan seramik digunakan untuk menghasilkan kraf yang menunjukkan kepelbagaian warisan seni dan budaya. Warisan reka bentuk kraf di Malaysia telah melalui perjalanan yang jauh sejak zaman dahulu. Walaupun begitu, pengaruh globalisasi telah membawa perubahan dan perkembangan dalam reka bentuk kraf tempatan. Seni ini merupakan satu bentuk warisan yang berkembang mengikut

aliran semasa. Di Malaysia, sektor kraf telah lama bertapak di mana pada tahun 1979, Akta Perbadanan Kemajuan Kraf Malaysia 1979 telah digubal bagi memastikan warisan budaya dapat dipelihara. Akta Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia 1979 dan Akta 562 Akta Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia (Pindaan) 1983 telah menyasarkan objektif mereka, iaitu untuk meluaskan saiz pasaran produk kraf dan menyediakan kakitangan terlatih mengikut keperluan industri kraf. Jadual 1 menunjukkan laporan Kraf Malaysia pada 2021, penjualan kraf tangan adalah pada tahap yang baik walaupun negara sedang bergelut dengan pandemik COVID-19 ketika itu.

Jadual 1: Nilai jualan kraf tangan pada tahun 2021.

Kawasan Kraf	Nilai Jualan (RM)
Tekstil	68,743,189.17
berasaskan hutan	48,854,692.79
logam	33,820,347.51
berasaskan bumi	22,225,995.61
Pelbagai Kraf	24,013,212.97
Jumlah Jualan	197,657,438.05

Sumber: Kraf Malaysia (2021)

Tekstil mencatatkan jumlah jualan tertinggi, berjumlah RM 68,743,189.17, bersamaan 34.78% daripada jumlah nilai jualan kraf tangan pada tahun itu, diikuti hasil hutan sebanyak RM48,854,692.79 (24.72%), produk logam sebanyak RM33,820,317.347. Sebanyak RM24,013,212.97 (12.15) dan hasil tanah RM 22,225,995.61 (11.24%) dengan jumlah jualan RM197,657,438.05. Statistik ini menunjukkan bahawa bidang kraf mempunyai potensi yang besar dari sudut sosioekonomi masyarakat setempat.

Industri kraf di Malaysia kini sedang melalui proses transformasi untuk menjadi lebih

berdaya saing di pasaran global melalui pelaksanaan beberapa langkah strategik yang komprehensif. Kepentingan strategi dalam mengekalkan kelestarian industri kraf tidak boleh dipandang remeh, terutama di tengah-tengah arus globalisasi yang semakin pesat. Kejayaan industri ini bergantung pada keupayaannya untuk memelihara keunikan budaya tempatan sambil menyesuaikan diri dengan inovasi teknologi terkini. Pendekatan strategik ini merangkumi pemeliharaan dan peningkatan kepakaran budaya, penggalakan kreativiti, pengaplikasian teknologi inovatif, serta pemeliharaan alam sekitar sebagai sumber yang kritikal. Dalam konteks fiqh

kepenggunaan Islam, strategi ini tidak hanya dilihat dari aspek ekonomi semata-mata tetapi juga melibatkan pertimbangan etika yang berlandaskan prinsip Islam. Fiqh kepenggunaan menekankan aspek kelestarian, keadilan, dan tanggungjawab sosial dalam penghasilan dan penggunaan produk, termasuk kraf tangan tradisional. Pendekatan strategik ini mencerminkan keperluan untuk menghasilkan produk yang bukan sahaja berkualiti tinggi dan relevan dalam pasaran, tetapi juga mematuhi nilai-nilai Islam yang menggalakkan penggunaan yang beretika dan berkelanjutan.

Dalam konteks reka bentuk, industri berasaskan komuniti berperanan penting dalam menghasilkan produk yang menggabungkan sumber budaya dan unsur semula jadi, di samping mengekalkan kemahiran yang diwarisi daripada komuniti tertentu. Ini menekankan keunikan dan keaslian setiap karya seni yang dihasilkan, mencerminkan identiti dan warisan budaya masyarakat yang terlibat. Sebagai contoh, rekaan batik tempatan adalah manifestasi keunikan dan keindahan budaya Malaysia. Proses reka bentuk batik ini sering kali diilhamkan oleh ciri-ciri budaya tempatan, termasuk simbol-simbol dan imej-imej agama, tingkah laku tradisional, serta nilai-nilai komuniti, yang menjadi sumber inspirasi kreatif.

Dalam fiqh kepenggunaan, penghargaan terhadap pengkhususan budaya ini adalah penting kerana ia melibatkan penghasilan produk yang mematuhi prinsip-prinsip Islam, seperti keadilan, kejujuran, dan kesederhanaan. Walaupun ada komuniti yang mengekalkan rekaan batik tradisional, terdapat juga yang melangkaui sempadan dengan mengadaptasi dan mencipta reka bentuk

kontemporari yang inovatif, sambil memastikan produk kraf tersebut tetap relevan dalam pasaran moden. Inovasi ini, jika dipandu oleh prinsip fiqh kepenggunaan, dapat memastikan bahawa kraf tangan tradisional terus relevan dan berdaya saing, sambil mematuhi nilai-nilai Islam dalam setiap tahap penghasilan dan penggunaannya.

Inovasi dalam Strategi Kelestarian Kraf Tradisional

Sektor kraf di Malaysia memainkan peranan penting dalam memelihara kepelbagaian tradisi rakyatnya melalui penggunaan bahan tempatan, memupuk toleransi, dan menyumbang kepada pertumbuhan kreativiti dalam masyarakat setempat. Potensi sumber tempatan boleh dimanfaatkan dari segi bentuk dan fungsi untuk menyokong nilai ekonomi (Permatasari et al., 2021). Oleh itu, kemahiran membuat kraf rakyat perlu dioptimumkan dalam sektor ekonomi yang berpotensi memberikan impak signifikan kepada pemuliharaan kraf tangan warisan. Kraf tangan tempatan adalah sesuatu yang perlu dipelihara dengan teliti kerana ia melambangkan identiti bangsa dan masyarakat. Pengetahuan peribumi atau tradisional merujuk kepada sistem pengetahuan, penciptaan, inovasi, dan ekspresi budaya yang diwarisi dari generasi ke generasi. Pengetahuan ini biasanya berkait dengan masyarakat atau wilayah tertentu, dan ia berkembang secara tidak sistematik sebagai tindak balas kepada perubahan persekitaran (Dana, 1999).

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi pemeliharaan kraf. Banyak kajian telah menunjukkan faktor-faktor yang memerlukan pendekatan khusus untuk menangani isu pemeliharaan kraf warisan. Antara isu penting yang diperhatikan dalam pemeliharaan

warisan kraf termasuk halangan individu, seperti kekurangan peluang latihan, masalah pewarisan oleh generasi pengamal yang semakin tua, kehilangan kemahiran (terutama dengan pengenalan teknologi baru), pasaran (termasuk permintaan produk), bekalan bahan mentah, dan cabaran perniagaan kecil seperti kos tinggi untuk premis perniagaan dan bengkel (Cavalli et al., 2017; Shafi et al., 2020; Ariffin et al., 2023).

Inovasi dapat menjadikan produk buatan tangan tradisional lebih unik dan memberikan kelebihan daya tarikan berbanding barangan buatan kilang. Inovasi juga merupakan faktor yang dapat memastikan ketahanan produk kraf tangan tradisional dalam pasaran semasa (Shafi et al., 2022). Menurut Shahrom & Basir (2024), inovasi penciptaan merujuk kepada penghasilan produk, perkhidmatan, atau proses baharu, manakala inovasi penambahbaikan melibatkan peningkatan kualiti dan daya saing produk, proses, atau perkhidmatan sedia ada melalui nilai tambah inovatif. Dalam konteks ini, inovasi dilaksanakan dalam kedua-dua aspek demi meningkatkan nilai dan kualiti kraf batik. Gabungan inovasi kontemporari dan nilai tradisional dalam kraf tangan dilihat menyumbang kepada pemuliharaan sesuatu produk kraf. Sebagai contoh, dalam kes kain tenunan di Sri Lanka, inovasi dilihat sangat penting untuk memastikan industri kraf terus berdaya saing di pasaran. Tenunan tradisional yang menggabungkan keperluan kontemporari dengan rekaan terkini mampu memenuhi kehendak pengguna, sekali gus mewujudkan persaingan sengit dengan produk buatan kilang. Kerjasama antara pereka dan penenun secara tidak langsung menarik lebih ramai individu untuk menceburi bidang kraf tenunan, yang akhirnya akan membawa manfaat kepada negara (Wanniarachchi et al., 2022).

Kesukaran mendapatkan bahan mentah juga merupakan faktor yang boleh menghalang potensi kraf tangan tradisional. Oleh itu, inovasi melalui penggunaan bahan alternatif boleh menjadi penyelesaian kepada isu ini. Masalah kekurangan bahan tradisional untuk membuat kraf tangan telah mendorong tukang kraf menjadi lebih kreatif, contohnya dengan menggunakan plastik sebagai pengganti bahan asli seperti bembun, mengkuang, dan buluh. Inovasi melalui penggunaan bahan alternatif ini dilihat dapat menangani masalah kekurangan bahan mentah, menyesuaikan kraf tangan dengan gaya hidup moden, dan memenuhi kehendak pasaran sambil mengekalkan identiti kraf tangan. Dalam mengkaji perubahan dalam pembuatan kraf tangan tradisional, Omar et al., (2016) juga menyatakan bahawa terdapat peralihan dalam penggunaan bahan kraf tangan, di mana kraf tangan tradisional kini dihasilkan menggunakan bahan semula jadi dan plastik; malah, ada yang menggunakan plastik sepenuhnya. Inovasi ini diambil untuk memastikan kraf tangan dapat menyesuaikan diri dengan keperluan semasa, sekali gus kekal mapan dan relevan.

Batik sebagai Warisan Kraf Tradisional Malaysia

Batik merupakan sebahagian daripada bentuk seni tekstil yang berakar umbi dalam budaya Melayu dan mempunyai sejarah dan nilai budaya yang mendalam. Batik merupakan salah satu kraf tangan tradisional Malaysia yang dikategorikan dalam bidang tekstil. Tekstil pada mulanya dicipta untuk melindungi tubuh dan juga merupakan simbol budaya, media ekspresi artistik, dan cara untuk menunjukkan adat budaya masyarakat. Batik merupakan produk kraf tradisional yang masih bertahan dan mendapat permintaan sehingga

kini. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, batik tetap relevan dan popular di kalangan masyarakat setempat. Batik bukan sekadar karya seni visual tetapi juga mempunyai makna budaya yang mendalam. Setiap motif batik sering mencerminkan kepercayaan tradisional, mitologi atau nilai etika. Batik juga digunakan pada pelbagai majlis, seperti perkahwinan, upacara keagamaan, dan acara kebudayaan lain, untuk menyatakan identiti budaya. Asal usul batik adalah kuno dan rumit untuk dikesan, dan banyak perdebatan

membincangkan asal usul batik dari pelbagai perspektif. Batik adalah seni tradisional mewarnakan kain yang menggunakan lilin sebagai penghalang untuk melindungi bahagian tertentu kain daripada diwarnakan. Pembuatan batik melibatkan motif tradisional yang sering diilhamkan daripada unsur flora dan semula jadi. Unsur alam kemudiannya akan dikaitkan dengan falsafah hidup Melayu. Rajah 1 menunjukkan antara contoh motif corak fauna yang digunakan dalam penghasilan batik.



Rajah 1: Motif corak fauna yang digunakan untuk batik

Di Malaysia, pengeluaran batik komersial bermula sekitar 1960-an dan mengalami pembaharuan sekitar 1970-an. Populariti batik meningkat berikutan permintaan daripada penduduk dan turut disokong oleh permintaan pelancong. Industri batik telah mengalami banyak pembaharuan dan penambahbaikan berikutan kesedaran pengusaha terhadap kepelbagaian penggunaan batik dan potensinya untuk terus berkembang. Kraf tekstil tradisional seperti Batik dan Songket adalah sebahagian daripada warisan budaya Malaysia yang kaya. Semua pihak harus mengetahui kepentingan memastikan kemapanan industri terutama dalam era yang

semakin canggih ini. Inovasi dan pendigitalan telah menjadi elemen kritikal dalam mengekalkan keunikan seni tradisional sambil menghadapi cabaran global dan memenuhi keperluan pemasaran yang sentiasa berubah.

Metodologi


Kajian ini dijalankan menggunakan reka bentuk kajian kes kualitatif. Tiga teknik pengumpulan data digunakan: temu bual, pemerhatian dan kajian dokumen. Kajian ini melibatkan temu bual dengan 12 orang informan yang terlibat secara langsung dalam industri kraf tangan seperti wakil agensi

kerajaan, wakil agensi bukan kerajaan, Perbadanan Kemajuan kraf tangan Malaysia (Kraf tangan Malaysia), Yayasan Tuanku Nur Zahirah (YTNZ), belia, usahawan kraf tangan di beberapa negeri di Malaysia. Beberapa siri temu bual dan perbincangan kumpulan berfokus telah dijalankan sepanjang kajian ini. Proses temu bual dijalankan berdasarkan fokus kajian, di mana setiap tema kajian dipecahkan kepada soalan yang lebih kecil bagi melicinkan proses temu bual dan memudahkan proses pengumpulan data pengkaji. Data kualitatif yang diperoleh melalui temu bual kemudiannya di transkripsi dan dianalisis menggunakan pendekatan analisis berasaskan tema menggunakan perisian Nvivo.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Inovasi dilaksanakan bagi memelihara kraf tangan daripada ancaman kepupusan yang disebabkan oleh faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman ialah kelemahan produk kraf tangan, seperti kelemahan bahan mentah dan nilai estetik, seperti warna yang kurang menarik perhatian. Manakala faktor luaran ialah elemen luaran yang mencabar kraf tangan untuk terus hidup, seperti penggunaan mesin yang berlebihan, ketiadaan pewaris dan pemasaran yang kurang berkesan. Kraf tangan tradisional terpaksa bersaing dengan barangan buatan mesin yang terbukti lebih tahan lama dengan warna dan reka bentuk yang lebih menarik. Harga barangan buatan mesin jauh lebih murah berbanding kraf. Menurut Tijani dan Ogundele (2012), faktor inilah yang menyebabkan inovasi diperlukan dalam

sesuatu produk kraf tangan. Faktor lain seperti harga yang terlalu tinggi, jurang hubungan antara pelanggan dan usahawan serta kekurangan penggunaan kraf juga dikenal pasti sebagai penghalang untuk mengekalkan warisan kraf tersebut. Walaupun kraf tangan mempunyai potensi sebagai sumber pendapatan dan produk pelancongan, usahawan dan komuniti kraf yang bekerja dalam industri tidak boleh berasa selesa; perubahan adalah perlu untuk memastikan kelangsungan sesebuah industri. Satu langkah yang berkesan perlu diambil untuk menangani isu tersebut. Sesuatu produk boleh bertahan dan kekal relevan jika inovasi dilaksanakan. Ia juga menjadi kebiasaan bagi mana-mana usahawan. Penemuan penyelidikan juga menambah bahawa inovasi berdasarkan trend dan fesyen semasa adalah tindakan yang wajar. Inovasi yang dikenal pasti bukan sahaja terhad kepada pembaharuan estetik, seperti reka bentuk dan motif, tetapi juga merangkumi inovasi dalam bahan mentah dan penjagaan kualiti batik sebagai produk untuk dipasarkan. Dalam isu ini, dapat diringkaskan tiga faktor yang memberi justifikasi kukuh mengapa inovasi sangat perlu dilakukan bagi meningkatkan permintaan kraf batik tempatan seterusnya mengukuhkan kelestarian warisan ini. Dalam Rajah 2, tiga faktor utama iaitu saingan produk kilang, harga yang tinggi dan pasaran yang terhad dikenalpasti sebagai masalah utama bagi pengusaha batik. Oleh itu, bagi mengatasinya, inovasi perlu dilakukan dalam setiap aspek seperti dalam reka bentuk, motif, kaedah pembuatan, bahan mentah sehinggalah kepada cara pemasaran produk batik itu sendiri.



Rajah 2 : Keperluan inovasi dalam kraf tangan tradisional

Kraf tangan tradisional memerlukan nilai tambah yang praktikal untuk memastikan kelestarian industri. Seperti yang dimaklumkan oleh Informan 1, terdapat persaingan yang ketara daripada barangan buatan kilang, yang tentunya lebih murah kerana ia dihasilkan oleh mesin.

"Saingan hebat (antara) batik asli Terengganu dan mesin, menggunakan mesin berbeza dengan Batik, walaupun reka bentuknya adalah Batik. Itu yang pengguna perlukan bantuan kefahaman. Kita mahu pengguna faham dan kenal Batik Terengganu dan Indonesia, yang boleh menghasilkan beribu-ribu meter dalam masa sejam kalau Batik buatan tangan, ia mengambil masa satu jam, sebab itu mahal (berbanding Batik cetakan mesin).

(I1, T1)

Menurut informan, terdapat persaingan antara batik buatan tangan asli dengan batik buatan mesin yang sering menggunakan teknik 'cetak'. Informan turut menyentuh masalah kekeliruan pembeli mengenai batik buatan dan batik tiruan serta menekankan kepentingan

memahami dengan jelas perbezaan kedua-dua batik tersebut. Selain itu, informan turut menegaskan cabaran dari segi harga di mana harga batik asli yang dianggap mahal oleh sesetengah pengguna berbanding Batik buatan kilang. Informan menggariskan punca utama perbezaan harga ialah proses pembuatan batik asli yang rumit berbanding batik buatan kilang yang mampu menghasilkan beribu meter kain bercorak batik dalam masa satu jam. Daripada maklumat ini, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa beberapa isu wujud dalam pembuatan kraf tangan tradisional iaitu dalam Batik. Pertama, harga Batik yang terlalu tinggi membuatkan sesetengah pembeli memilih untuk menggunakan Batik buatan kilang yang dirasakan lebih murah. Kempen dan promosi sahaja tidak berkesan kerana kaedah ini sudah lama digunakan, namun usahawan kraf tangan khususnya Batik tradisional masih perlu mengatasi isu yang sama. Oleh itu, inovasi dilihat menjadi penyelesaian kepada isu tersebut. Melalui inovasi dalam bahan mentah kraf tangan tradisional, kos pembuatan dapat dikurangkan dengan ketara dan mempengaruhi harga jualan.

Dalam kes pembuatan batik tradisional, bahan penting dalam proses batik ialah lilin, kini digantikan dengan bahan alternatif iaitu

campuran tanah liat yang ternyata mempunyai harga yang lebih rendah dan kos pengendalian yang rendah kerana tidak melibatkan penggunaan dapur gas untuk mencairkan lilin sentiasa sebagaimana yang dimaklumkan oleh informan;

"Kita nak material yang murah dan senang orang buat, tanah liat ke, blok batik dia guna lilin untuk cop kain, jadi kita guna tanah liat untuk cop, nampak macam bila warna disekat, fungsinya. sama macam lilin kalau wax naik harga, dapur dia, kena ada gas, jadi kalau nak cop kain kena tengok suhu, tanah liat kacau setem."

(I1, T1)

Inovasi dalam pembuatan batik tidak hanya mengurangkan kos pembuatan tetapi juga mempermudah keseluruhan proses penghasilan. Tradisionalnya, lilin digunakan sebagai agen pengecatan dalam pembuatan batik. Namun, dengan kenaikan kos lilin dan keperluan untuk pemanasan berterusan menggunakan dapur gas, proses ini menjadi lebih membebaskan. Menurut seorang informan;

"Kita nak material yang murah dan senang orang buat, tanah liat ke, blok batik dia guna lilin untuk cop kain, jadi kita guna tanah liat untuk cop, nampak macam bila warna terhalang. fungsinya sama macam lilin kalau lilin ni harganya mahal, dapur dia, kena ada gas, jadi kalau nak cop kain kena tengok suhu dulu, tapi tanah liat tak begitu."

(I1, T1)

Lilin yang digunakan dalam proses membuat batik memerlukan pemanasan yang berterusan. Lilin yang tidak cukup panas akan menyukarkan proses dan boleh menjejaskan kualiti Batik yang dihasilkan. Proses pemanasan memerlukan penggunaan dapur gas yang kini mengalami kenaikan harga. Jadi, kos pengeluaran batik juga akan meningkat. Dengan bahan pewarna alternatif seperti tanah liat, proses batik menjadi lebih mudah diakses. Proses batik tetap sama, cuma bezanya ialah kaedah pewarnaan yang digunakan.

"Untuk tanah liat, bancuhkan tanah liat dengan air, itu sahaja. Lepas tu kita gaul. Kita mesin. Lepas tu jadi macam [tekstur] simen kan? Jadi, selepas itu, kami ambil [tanah liat] dan masukkan ke dalam bekas yang sama seperti menggunakan lilin."

(I12, T1)

Berbeza dengan lilin, tanah liat tidak perlu dipanaskan setiap kali digunakan, malah hanya perlu dibancuh dengan air dan sedia untuk digunakan. Pembuat batik hanya perlu mengecap blok batik seperti biasa tanpa terkena bahang lilin. Selain memudahkan pengendalian, penggunaan tanah liat sebagai bahan yang dapat menjimatkan kos. Tanah liat yang mudah didapati dan sangat menjimatkan serta dapat mengurangkan risiko kemalangan di tempat kerja. Penggunaan tanah liat juga mempunyai kesannya yang digambarkan sebagai lebih artistik oleh informan.

"Kami baru-baru ini membuat inovasi pengadang tanah liat, itu antara inovasi yang kami lakukan. Kesannya sangat menakjubkan kerana tanah liat, batik mempunyai kesan artistik"

(I9, T1)

Penggunaan bahan alternatif dalam pembuatan kraf tangan bukan sahaja dapat menjimatkan kos pengeluaran produk. Ia juga secara tidak langsung dapat membuka ruang kepada kraf tangan yang lebih mesra alam. Pemain industri harus memanfaatkan peningkatan dalam trend teknologi hijau hari ini untuk mengembangkan lagi potensi produk kraf tangan tradisional. Inovasi ini juga menyokong prinsip masalah dalam fiqh kepenggunaan dengan meningkatkan keberkesanan proses dan mengurangkan kos pengeluaran, yang seterusnya memberi manfaat kepada masyarakat. Dengan memanfaatkan bahan alternatif yang lebih mesra alam, industri batik dapat meneruskan tradisi kraf tangan sambil mematuhi prinsip-prinsip Islam yang menekankan keberkatan, keselamatan, dan manfaat umum dalam setiap aspek kehidupan.

Selain itu, inovasi dalam motif dan reka bentuk memainkan peranan penting dalam

meningkatkan nilai pasaran serta memelihara warisan batik agar terus relevan di kalangan masyarakat. Contoh yang jelas adalah pengenalan motif baharu yang diilhamkan daripada flora dan alam semula jadi, yang mencerminkan unsur sosiobudaya masyarakat setempat. Motif ini sering kali terinspirasi oleh kegiatan ekonomi tempatan, seperti pertanian nanas, buah bembun, lada hitam, dan juga elemen budaya seperti gambus ghazal iaitu salah satu bentuk seni tradisional seperti pada Rajah 3. Pengenalan motif baharu ini telah memberikan nilai tambah dari segi estetika kepada kraf tangan tradisional, sekali gus memperluaskan daya tarikannya di pasaran. Penambahan motif baharu ini bukanlah disebabkan oleh kekurangan daya tarikan motif tradisional, tetapi sebaliknya ia bertujuan untuk memperkayakan lagi seni batik dengan variasi yang lebih luas, menambah seri dan menjadikannya lebih relevan dan menarik kepada pengguna moden.



Rajah 3: Baju batik kaftan motif *Ghazal Gambus* (kiri) dan nanas (kanan)

Pengenalan motif segar dan unik mampu memberikan keistimewaan tersendiri kepada batik Malaysia, berbanding dengan batik dari

luar negara. Inovasi ini bukan sahaja dapat mendidik pengguna tentang perbezaan antara batik buatan tempatan dan batik import, tetapi

juga berperanan dalam menjamin kelestarian batik asli tempatan. Motif yang segar dan menarik turut diyakini dapat bersaing dengan produk buatan kilang, yang sering kali tampil seragam dan kurang variasi. Bagi memastikan kelestarian industri kraf tradisional, nilai tambah yang praktikal adalah sangat diperlukan. Inovasi dalam corak dan reka bentuk batik tempatan menjadi penting dalam menawarkan alternatif yang lebih berkualiti dan bermakna, sekali gus meningkatkan daya saing batik tempatan di pasaran.

"Saingan sangat hebat (antara) batik asli dan mesin, produk yang menggunakan mesin berbeza dengan Batik, walaupun reka bentuknya nampak macam Batik. Itu yang pengguna perlukan kefahaman yang tepat. Kita mahu pengguna faham dan kenal Batik asli dan tiruan, yang boleh menghasilkan beribu-ribu meter dalam masa sejam berbanding Batik buatan tangan, ia mengambil masa satu jam, sebab itu ia mahal.

(I1, T1)

Bagi informan, terdapat persaingan sengit antara batik asli dengan kain bercorak batik buatan mesin yang sering menggunakan teknik 'cetak' serta menekankan kepentingan memahami dengan jelas perbezaan kedua-dua batik tersebut. Selain itu, harga batik Terengganu selalu dianggap mahal oleh sesetengah pengguna berbanding Batik buatan kilang. Informan menggariskan punca utama perbezaan harga ialah proses pembuatan tradisional berbanding buatan kilang yang mampu menghasilkan beribu meter kain bercorak batik dalam masa sejam. Dengan menerapkan inovasi dalam proses penghasilan

untuk kraf tangan tradisional, kos pembuatan dapat dikurangkan secara signifikan, yang seterusnya mempengaruhi harga jualan. Sebagai contoh, dalam pembuatan batik tradisional, lilin yang biasanya digunakan kini digantikan dengan campuran tanah liat. Bahan alternatif ini bukan sahaja lebih murah, tetapi juga mengurangkan kos pengendalian kerana tidak memerlukan penggunaan dapur gas untuk mencairkan lilin, seperti yang dinyatakan oleh salah seorang informan.

"Kita nak material yang murah dan senang orang buat, tanah liat ke, blok batik dia guna lilin untuk cop kain, jadi kita guna tanah liat untuk cop, fungsinya sama macam lilin kalau lilin ni mahal harganya, dapur dia kena ada, kena ada gas, jadi kalau nak cop kain kena tengok suhu, kalau kaedah tanah liat tak perlu semua itu."

(I1, T1)

Berdasarkan maklumat tersebut, inovasi dapat mengurangkan kos pembuatan kraf tangan dan memudahkan penghasilan kraf tangan tersebut. Pembuat batik khususnya tidak perlu lagi berhadapan dengan suhu panas lilin untuk mengecap batik. Sebaliknya, mereka hanya perlu membuat adunan adunan tanah liat yang lebih mudah dan menjimatkan kos. Di samping itu, faktor ini mampu mengajak lebih ramai golongan khususnya golongan belia dalam mengusahakan kraf tangan tradisional khususnya batik sekali gus menjamin kelestarian industri itu.

Selain kualiti produk kraf dan cara pembuatannya, bagi memastikan kelestarian perniagaan kraf tangan tradisional, langkah-langkah inovasi seperti pendigitalan perniagaan kraf tangan juga dilihat perlu dalam

memenuhi kehendak pengguna semasa. Pengalaman semasa penularan wabak COVID-19 telah mencorak trend baharu dalam ekonomi negara. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *E-conomy SEA 2021*, pasca-pandemik telah menyaksikan perubahan ketara dalam penggunaan ekonomi digital. Oleh itu, perniagaan kraf tangan tradisional harus dapat menyesuaikan diri dengan aliran semasa. Melalui bantuan badan kerajaan yang ditubuhkan secara eksplisit untuk hal ehwal kraf tangan Malaysia, usaha pendigitalan perniagaan dan pemasaran kraf tangan tradisional dijalankan secara sistematik. Usaha ini seharusnya melihat kepada kekangan yang dihadapi oleh usahawan kraf tangan tradisional.

"Satu sebab masalah yang dihadapi oleh orang buat Batik ini ialah mereka tidak tahu di mana hendak menjual."

(I7, T1)

Masalah pemasaran adalah antara masalah utama yang dihadapi oleh tukang kraf supaya pendigitalan dapat memberikan penyelesaian alternatif yang berkesan. Dalam pemasaran, peranan kerajaan juga menjadi pemacu kepada pemeraksanaan pemasaran kraf. Melalui Kraf tangan Malaysia, kerajaan telah mempergiatkan usaha untuk pendigitalan perniagaan kraf tangan melalui platform perniagaan dan aplikasi telefon pintar seperti *MyCraftShoppe*, *E-Kraf Bazar*, dan *MyCraftOnTheGo*, yang dibangunkan sepenuhnya oleh kerajaan. Selain itu, kerajaan

Platform *MyCraftShoppe* seperti pada Rajah 4 merupakan platform e-dagang yang dikhususkan untuk produk kraf tempatan, berbeza dengan platform e-dagang lain yang umum. Platform ini memudahkan pengguna

turut menyediakan bantuan teknikal seperti mengambil gambar produk untuk diletakkan dalam aplikasi dan laman web.


"Ia mempunyai dua platform: pemasaran dalam talian; kami mencipta E-Kraf Bazar dan juga MyCraftShoppe. Ia seperti Lazada atau semua itu, tetapi dalam MyCraftShoppe, ia adalah kerana barangan kraf." Kami akan mengajar usahawan bagaimana untuk menangkap gambar dan kemudian perlu memasukkannya; kakitangan kami akan memasukinya; pelanggan kena order; buat tempahan, lepas tu baru pos barang, itu sahaja."

(I5, T1)

Menurut beberapa informan, *Malaysian Crafts* menyediakan perkhidmatan untuk sesi bergambar produk yang ingin dipasarkan di platform digital yang disediakan. Imej produk yang dihasilkan nanti juga perlu memenuhi kriteria tertentu agar ia kelihatan lebih menarik. Dengan bantuan sebegini, pengusaha kraf tangan tradisional tidak perlu lagi memikirkan tentang pemasaran dan ke mana hendak menjual kraf tangan mereka. Pengusaha hanya perlu memenuhi tempahan dan menghantarnya melalui pos kepada pembeli. Ia memudahkan urusan jual beli barangan serta dapat meluaskan lagi pasaran serta mengkomersialkan kraf tangan tradisional.

untuk mencari barangan kraf yang sesuai dengan keperluan mereka, seperti pakaian, hiasan rumah, dan pelbagai produk kraf lain. Salah satu kelebihan utama platform ini adalah ia mengurangkan persaingan antara kraf tangan tradisional asli dan produk buatan

kilang, yang sering berlaku di platform e-dagang yang lebih besar.



Rajah 4: Platform membeli-belah dalam talian *MyCraftShoppe*

Selain platform laman web, Kraf tangan Malaysia turut memanfaatkan platform media sosial seperti *Facebook* untuk menjual produk kraf. Pendekatan ini memudahkan pengguna yang sudah biasa dengan urusan jual beli di media sosial. Contohnya, E-Kraf Bazar adalah satu halaman *Facebook* yang diwujudkan oleh Jabatan Kraf Malaysia semasa pandemik COVID-19. Kumpulan ini bertujuan untuk memastikan penjualan kraf tangan tetap berjalan lancar. Walaupun pandemik telah berakhir, E-Kraf Bazar masih aktif digunakan sebagai medium jual beli untuk kraf tangan tradisional. Kerajaan juga telah menyediakan aplikasi web bernama *CraftOnTheGo* yang merupakan singkatan kepada *Craft Entrepreneurs Geospatial*. Aplikasi ini dibangunkan dalam usaha untuk pendigitalan maklumat berkaitan perniagaan dan perkhidmatan kraf tangan yang mudah di akses oleh semua orang. Tujuan utamanya adalah

untuk memaksimumkan capaian maklumat berkaitan kraf tangan tradisional kepada kumpulan sasaran yang lebih besar. Dalam aplikasi tersebut, pengguna boleh berhubung terus dengan pengusaha kraf tangan yang mereka inginkan kerana terdapat direktori lengkap alamat perniagaan, jenis kraf yang mereka usahakan, dan media sosial perusahaan kraf terbabit. Dengan saluran ini, pengguna boleh mendapatkan produk kraf yang mereka inginkan tanpa melalui perantara ataupun orang tengah. Tanpa penglibatan orang tengah, pengusaha dan pembeli kraf tangan tradisional tidak perlu lagi berhadapan dengan konflik berkaitan harga jualan yang terlalu tinggi dan sebagainya. Penghapusan peranan orang tengah dengan adanya kemudahan ini adalah selaras dengan prinsip fiqh kepenggunaan yang mengutamakan keseimbangan dan keadilan dalam harga. Ini bukan sahaja memastikan harga produk kraf lebih

berpatutan dan beretika, tetapi juga membantu memperkasa ekonomi ummah dengan memberikan lebih banyak manfaat secara langsung kepada pengusaha kraf batik.

Inovasi dalam pemasaran menunjukkan usaha kerajaan untuk membuka pasaran produk kraf batik dengan lebih meluas dan global. Dalam membantu usahawan kraf tangan tradisional mendapatkan ruang perniagaan yang lebih luas dan membangunkan rangkaian, agensi kerajaan Kraf Malaysia telah menganjurkan acara tahunan dikenali sebagai Hari Kraf Negara (HKK), yang dianjurkan setiap tahun di Kuala Lumpur. Acara tahunan ini menghimpunkan usahawan kraf tangan tradisional dari pelbagai bidang kraf tangan dari seluruh negara. Di sini, mereka berpeluang mempamerkan kraf yang mereka usahakan selain mencari pasaran yang lebih luas. Lebih meyakinkan, penganjuran program ini mendapat sambutan hangat daripada masyarakat sebagaimana respons daripada informan,

“Kami menyasarkan dalam perancangan awal kira-kira 25 ribu pengunjung, tetapi selepas 13 hari kami menganjurkan (Hari Kraf Negara), kami menemui hampir 50 ribu pengunjung dan mencapai sasaran jualan”.

(I8, T1)

“Sama seperti kita, dalam 214 usahawan yang mendaftar di negeri Johor, sehingga Ogos pendapatan mencecah RM 20 juta, purata antara tiga hingga empat ribu”.

(I5, T1)

Daripada perbincangan dapatan kajian, kraf tangan batik memerlukan pembangunan inovasi dalam perusahaannya dan suntikan pendigitalan dari aspek pemasaran produk. Dalam konteks ini, prinsip fiqh kepenggunaan memainkan peranan penting. Fiqh kepenggunaan menekankan etika dalam perniagaan, keadilan dalam harga, serta keberkatan dalam transaksi, yang semuanya bertujuan untuk memastikan kebajikan masyarakat. Oleh itu, inovasi yang dijalankan mestilah selaras dengan prinsip-prinsip ini, seperti memastikan bahawa produk kraf dihasilkan dan dipasarkan dengan cara yang adil dan tidak membebankan pengguna.

Kemajuan teknologi dan perubahan dalam pasaran global perlu diikuti oleh usahawan kraf bagi memastikan kelestarian warisan budaya ini, namun, inovasi yang dijalankan haruslah selaras dengan prinsip Islam. Sokongan kerajaan, penglibatan aktif usahawan atau artisan, serta kesedaran masyarakat terhadap nilai warisan kraf dan pengaruh industri pelancongan juga merupakan elemen penting. Melalui pendekatan ini, bukan sahaja kelangsungan industri kraf dapat dijamin, tetapi juga pembangunan ekonomi ummah secara menyeluruh, selaras dengan nilai-nilai Islam yang menekankan keadilan dan keberkatan dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam perniagaan

Kesimpulan

Langkah-langkah inovasi dalam reka bentuk, motif, dan pemasaran melalui pendigitalan adalah penting untuk memastikan kraf tangan tradisional, seperti batik, kekal berdaya saing dan mapan, serta dapat diwariskan kepada generasi akan datang. Kraf tangan tradisional bukan sahaja membawa identiti dan nilai

budaya tempatan tetapi juga memainkan peranan dalam memelihara warisan tidak ketara. Seperti warisan budaya lain, kraf seperti batik dan songket memerlukan usaha berterusan untuk memastikan ilmu dan kemahiran ini terus relevan dan diwarisi. Pengkomersilan kraf tangan tekstil memerlukan suntikan inovasi dan pendigitalan, terutama dalam industri batik, untuk mengekalkan kelestariannya dalam menghadapi kemajuan teknologi. Namun, kejayaan usaha ini bergantung kepada dua elemen utama: sokongan kerajaan dan penglibatan aktif usahawan serta artisan, di samping kesedaran masyarakat terhadap kepentingan memelihara warisan kraf dan peranan industri pelancongan. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan kelangsungan pengeluaran kraf yang memenuhi permintaan pasaran tetapi juga sejajar dengan prinsip fiqh kepenggunaan dalam Islam. Prinsip ini menekankan keadilan, keberkatan, dan etika dalam semua transaksi, termasuk dalam penghasilan dan pemasaran produk kraf. Dengan kerjasama antara kerajaan dan tukang kraf yang berpaksikan fiqh kepenggunaan, industri kraf tradisional dapat berkembang secara mapan, memelihara nilai budaya, dan memajukan ekonomi ummah secara keseluruhan. Dari perspektif fiqh kepenggunaan dalam Islam, inovasi ini mencerminkan prinsip-prinsip maqasid syariah yang menekankan kelestarian, pemeliharaan harta (hifz al-mal), dan kemudahan dalam urusan kehidupan. Dengan menggunakan bahan alternatif yang lebih murah dan mudah diakses seperti tanah liat, inovasi ini memenuhi prinsip ekonomi beretika yang mengutamakan pemanfaatan sumber secara efisien dan pengurangan kos pengeluaran. Ini juga selaras dengan usaha menghindari pembaziran dan memberikan manfaat yang lebih besar kepada masyarakat.

Penghargaan

Penulis mengiktiraf sokongan kewangan dan teknikal bagi projek Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang disediakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di bawah geran (FRGS/1/2021/WAB10/UNISZA) /03/1)

Rujukan

- Ahmed, I. (2019). Craftsman, informal heritage management and social capital in conserving chini-tikri work of Kosaituli Mosque, Old Dhaka, Bangladesh. *Journal of Cultural Heritage Management and Sustainable Development*, 9(3): 334-351. <https://doi.org/10.1108/JCHMSD-07-2018-0050>
- Andrian, S. dan Alma'arif, A. (2024). Application of Islamic economic concepts as a role model in increasing the wooden furniture business in bengkalis. *El-Qish*, 4(1):16-21. doi: 10.33830/elqish.v4i1.7960.2024
- Azeta, A. A. dan Ibukun, E. (2016). Applying diffusion of innovation (doi) theory to mobile learning for quality education. *International Journal of Multimedia and Ubiquitous Engineering*, 9(9): 147-156. <https://doi.org/10.14257/ijmue.2016.11.9.16>
- Dana, L. P. (2007). Toward a multidisciplinary definition of indigenous entrepreneurship. *International Handbook of Research on Indigenous Entrepreneurship*. Edward Elgar: Cheltenham
- David, F., Bellver, M., Belén, P.P, Garcia-Lopez., dan Molina, M. (2023). Crafts as a key

factor in local development: Bibliometric analysis. *Heliyon*, 9(1): 1-6. doi: 10.1016/j.heliyon.2023.e13039

Dearing, J. W. (2021). Diffusion of innovations. in the oxford handbook of organizational change and innovation. Oxford: Oxford University Press.

Jing, L. (2022). Cultural heritage in the United States. New York: Oxford Research Encyclopedia of American History.

Kraftangan Malaysia. (2020). Kraftangan Malaysia Annual Report 2020.

Maxine, B. (2014). Skill, craft and histories of industrialisation in Europe and Asia. *Transactions of the Royal Historical Society*, 24(Dec): 127-148.

Mahaiyadin, M. H. dan Osman, M. R. (2015). Kerangka fiqh kepenggunaan dan rekonstruksinya di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 1(1): 135-156

Hanapi, M. S. dan Muhammad, S. M. (2024). Model kepenggunaan-wasatiyyah untuk mengimbangi fenomena kepenggunaan dalam sistem ekonomi liberal- kapitalis: satu sorotan. *Global Journal Al-Thaqafah*, 7(2): 137–153.
<https://doi.org/10.7187/GJAT122017-8>

Nocca, F. (2017). The role of cultural heritage in sustainable development, multidimensional indicators as decision-making tool sustainability. *MDPI AG*, 9(10): 1882-1889.

Omar, S., Lepun, P., dan Alan, R. (2016). Etnik dan pembentukan landskap budaya Malaysia: Seni anyaman tikar orang Ulu Sarawak. *Malaysian Journal of Society*, 12(10): 21-28.

Ospina, A., & López, A. (2020). Luxury craftsmanship as an alternative to building social fabric and preserving ancestral knowledge: A look at Colombia, dalam *Sustainable Luxury and Craftsmanship*. Springer Nature.

Permatasari, A., Dhewanto, W., Dellyana, D. (2021). A proposed model of value co-creation through multi-stakeholder collaboration in domestic product development. *Business: Theory and Practice*, 22(2): 414-425.

Rogers, E. M. (1983). Diffusion of innovations. Free Press: London.

Shafi, M. (2020). Sustainable development of micro firms: Examining the effects of cooperation on handicraft firm's performance through innovation capability. *International Journal of Emerging Markets*, 16(8): 1634-1653

Shafi, M. (2022). Geographical indications and sustainable development of handicraft communities in developing countries. *The Journal of World Intellectual Property*, 25(1): 122-142

Shahrom, F. N., dan Basir, S. A., (2024). Impak pelaksanaan sistem pengurusan kualiti berteraskan syariah MS 1900 kepada penjana inovasi di mahkamah syariah negeri Melaka. *Global Journal Al-Thaqafah*, 12(1): 98–116. <https://doi.org/10.7187/GJAT072022-11>

Yasmine, M.A., El-sttar, B., Sherief, S., dan Marwa, K. (2020). Emphasizing the Role of craftsmanship in urban planning interventions to promote tourism-case study Zaanse Schans, the Netherlands. *Mansoura Engineering Journal*, 41(2): 14-23.

Wanniarachchi, T., Dissanayake, D. G. K., dan Downs, C. (2022). Community-Based family enterprise and sustainable development in rural Sri Lanka. *Community, Work & Family*, 27(2):135-153.

Ariffin, W. J. W., Noh, N. A., M. A., Ibrahim, A., Ghazalli, F. S., dan Abd Rahim, E. M. (2023). Citizen engagement in tangible heritage conservation strategies in Terengganu. *Planning Malaysia*, 21(25): 24-35.